



PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

NOTIS SEBUT HARGA KERJA

SEBUT HARGA PMINT BIL. 181/2025

CADANGAN MENAIKTARAF JALAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI JALAN POK JID, KAMPUNG TASIK NIBUNG, JABI, 22020 BESUT, TERENGGANU

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) (**berstatus aktif**), Sijil Taraf Bumiputera (STB) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau PPK (**yang sah tempoh**) dalam **Gred G1 (Besut Sahaja) Kategori CE, Pengkhususan CE01 dan CE21 (Kebenaran Khas bagi pengkhususan kerja adalah tidak dibenarkan)**.
2. Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **14/7/2025 (Isnin) jam 11.00 pagi**. Pendaftaran akan dibuka bermula jam **9.00 pagi** hingga **11.00 pagi**. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Dewan Besar, Tingkat 3, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu (Koordinat GPS : 5.330277, 103.1362)** pada tarikh dan masa yang ditetapkan. **Hanya penama di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan SPKK sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak ini.**
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati dari tarikh **14/7/2025 (Isnin) hingga 21/7/2025 (Isnin)** di pejabat **Bahagian Pengurusan Harta, Tingkat 12, Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu, Menara PMINT, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu** dengan menyertakan wang pos/wang kiriman pos/draf bank/tunai berharga **RM50.00** yang dibuat di atas nama **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu**.
4. Dokumen Sebut Harga akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini Kontraktor dikehendaki membawa **Cop Rasmi Syarikat, Perakuan/Sijil ASAL Pendaftaran PPK dan SPKK** yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut.
5. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berlakri** serta ditulis di sudut atas kiri **Nama Dan Nombor Sebut Harga** seperti di atas dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Bilik Urusan Tender dan TTD, Tingkat 11, Menara PMINT** sebelum jam **12.00 tengahari, 21/7/2025 (Isnin)**.
6. Pihak **Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu** tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran.

Nama :

Jawatan:

Tarikh:

KHALIZAN BIN MAHMUD

Pengurus Besar Pengurusan Teknikal J13
Perbadanan Memajukan Iktisad
Negeri Terengganu

03 JUL 2025